

Headline **Kedai bebas cukai di UUM**
Date **29 Apr 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **28**
Article Size **334 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **9,604**
PRValue **28,812**



Kedai bebas cukai di UUM

Kertas cadangan diperinci supaya idea difahami semua

Muhaamad Hafis Nawawi

SINTOK: Universiti Utara Malaysia (UUM) bakal mencipta sejarah menjadi kampus pertama di dunia memiliki kawasan bebas cukai jika kertas cadangan yang dikemukakan diluluskan kerajaan.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, pihaknya kini meneliti kertas cadangan terbabit supaya konsep terbabit difahami sebelum dibawa ke peringkat jemaah menteri selepas disemak Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kewangan.

Menurutnya, kertas cadangan terbabit perlu diperincikan lagi daripada aspek lokasi, ekonomi dan perundangan supaya idea ter-

babit difahami semua pihak termasuk kerajaan.

"Saya melihat cadangan yang dikemukakan UUM dapat memberi kesan positif dalam pembangunan di sini khususnya dalam membangunkan universiti yang pesat antarabangsa.

"Setakat ini kita mendapat kerjasama kastam dan syarikat swasta yang berminat dengan cadangan dikemukakan," katanya ketika menghadiri Majlis Anugerah Kerana Jasa di Dewan Muadzam Shah, UUM, di sini.

Dalam majlis itu, beliau turut menyampaikan Anugerah Kerana Jasa kepada Dewan Perniagaan Pelajar (DPP) Terbaik yang diterima DPP Perwaja, Mejar Shahrin Ahmad.

Dr Mohamed Mustafa berkata, UUM memohon kerajaan mempertimbangkan cadangan itu dan kertas cadangan akan dihantar ke jemaah menteri dalam masa terdekat supaya ia dapat dimasukkan dalam Rancangan Malaysia ke-10 seterusnya dapat melaksanakan-

nya tahun depan.

"Idea penubuhan zon bebas cukai ini secara tidak langsung dapat mewujudkan peluang ekonomi kepada penduduk setempat malah memberi peluang kepada pelajar mempelajari asas berniaga sebelum bergelar graduan.

"Keluasan UUM 1,061 hektar dengan jarak lingkaran jalan mengelilingi hampir 13 kilometer mampu menyediakan infrastruktur mencukupi bagi membuka premis perniagaan di sini," katanya.

Beliau berkata, jika projek itu terlaksana satu lagi kawasan bebas cukai seperti di Langkawi akan lahir di Kedah seterusnya menjadi tumpuan kepada masyarakat malah sehingga kini banyak pihak swasta berminat bergabung menjayakan projek terbabit.

"Setakat ini kita sudah mengenal pasti lokasi sesuai untuk dibangunkan projek terbabit dan hanya menunggu kelulusan untuk meneruskannya," katanya.



PENGIKTIRAFAN...Mustafa (kanan) menyampaikan Anugerah Kerana Jasa kepada Shahrin.